

Manual Pembayaran Cukai Tanah (Quit Rent) Negeri Selangor menggunakan kemudahan perbankan internet (*Internet Banking*)

1. Untuk Pengguna Baru

- a. Pergi ke mana-mana mesin ATM bank akaun anda.
- b. Masukkan kad ATM dan masukkan Nombor PIN ATM.
- c. Tekan butang yang memaparkan kemudahan *Internet Banking* ataupun butang *Lain-Lain* untuk mewujudkan (create) *internet PIN*.
- d. Sila layari laman web bank akaun anda dan pilih kemudahan internet banking. Anda perlu mendaftar di laman web tersebut menggunakan internet PIN yang diwujudkan di mesin ATM. Panduan/demo untuk membayar bil ada disediakan di setiap laman Web bank.

2. Untuk Pengguna Yang Telah Mendaftar

- a. Sila layari laman web bank akaun anda. Pilih butang Login dan masukkan ID dan katalaluan anda dan pilih butang pembayaran bil (*Bill Payment*).

3. Untuk Pembayaran Bil Hasil Tanah/Cukai Tanah bagi Pejabat Tanah berikut:

- a. Pejabat Tanah Klang
- b. Pejabat Tanah Petaling
- c. Pejabat Tanah Kuala Langat
- d. Pejabat Tanah Kuala Selangor
- e. Pejabat Tanah Sabak Bernam
- f. Pejabat Tanah Hulu Langat
- g. Pejabat Tanah Gombak
- h. Pejabat Tanah Sepang
- i. Pejabat Tanah Hulu Selangor

Sila pilih agensi di bawah ini dari Senarai *Payee List/Payee Corporation*:

**** Pejabat Pengarah Tanah & Galian Selangor atau Pejabat Tanah & Galian Selangor**

Nota:

Untuk makluman resit bayaran cukai tanah tidak akan dihantar kepada pembayar bil. Sila simpan cetakan bayaran yang dibuat melalui *internet* sebagai bukti bayaran.